

SOALAN NO: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

SOALAN:

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi dan perancangan Kerajaan dalam hal berkaitan isu pembantu rumah yang menjadi tanda tanya kepada rakyat Malaysia.

PR-1331-T67407

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak Kerajaan telah dan akan melaksanakan beberapa strategi atau perancangan bagi mengurangkan kebergantungan rakyat kepada pembantu rumah asing (PRA) khususnya daripada Indonesia iaitu:

- i. Mempergiatkan aktiviti pengambilan PRA daripada negara sumber yang lain seperti Sri Lanka, India, Nepal, Vietnam, Laos dan Thailand;
- ii. Mengkaji keberkesanan konsep *beyond maid*;
- iii. Menggalakkan penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak (PAKK) di tempat kerja ataupun kawasan perumahan / komuniti;
- iv. Memperkenalkan program-program promosi ke arah mewujudkan waktu kerja yang fleksibel seperti Program *Homeworking* dan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 yang menggalakkan wanita untuk bekerja tanpa mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga; dan
- v. Mengadakan perbincangan bagi mewujudkan kerjasama menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara sumber seperti Cambodia, Nepal, Bangladesh dan lain-lain.
- vi. Kementerian juga sedang mengkaji cadangan menggalakkan penggajian warga tempatan sebagai *house helpers* di mana satu kajian perlu diadakan untuk mengenal pasti kumpulan sasaran, keperluan pasaran yang memerlukan perkhidmatan *house helpers*, bidang pengkhususan kerja yang diperlukan dan mengenalpasti kaedah-kaedah untuk menggalakkan warga tempatan khususnya menceburi perkhidmatan *house helpers*.